



EFFET OF AGGREGATE SHAPE ON
ASPHALT MATERIALS PROPERTIES

ASSOC.PROF.MEOR OTHMAN HAMZAH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
KAMPUS KEJURUTERAAN
2008



Laporan Akhir Projek Penyelidikan Jangka Pendek

**Effect of Aggregate Shape on Asphalt
Materials Properties**

by

Assoc. Prof. Meor Othman Hamzah

Prof. Dr. Khairun Azizi Mohd. Azizli

LAPORAN AKHIR PROJEK PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK

FINAL REPORT OF SHORT TERM RESEARCH PROJECT

Sila kemukakan laporan akhir ini melalui Jawatankuasa Penyelidikan di Pusat Pengajian dan Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan kepada Pejabat Pelantar Penyelidikan

1. Nama Ketua Penyelidik: MEOR OTHMAN BIN HAMZAH
Name of Research Leader

Profesor Madya/
Assoc. Prof.

Dr./
Dr.

Encik/Puan/Cik
Mr/Mrs/Ms

2. Pusat Tanggungjawab (PTJ): Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam
School/Department

3. Nama Penyelidik Bersama:
Name of Co-Researcher Prof. Dr. Khairun Azizi Mohd. Azizli

4. Tajuk Projek: Effect of Aggregate Shape on Asphalt Materials Properties

5. Ringkasan Penilaian/Summary of Assessment:

Tidak Mencukupi <i>Inadequate</i>	Boleh Diterima <i>Acceptable</i>	Sangat Baik <i>Very Good</i>
1	2	3
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

i) Pencapaian objektif projek:
Achievement of project objectives

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------	-------------------------------------

ii) Kualiti output:
Quality of outputs

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------	-------------------------------------

iii) Kualiti impak:
Quality of impacts

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------	-------------------------------------

iv) Pemindahan teknologi/potensi pengkomersialan:
Technology transfer/commercialization potential

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------	--------------------------	-------------------------------------	--------------------------

v) Kualiti dan usahasama :
Quality and intensity of collaboration

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------	-------------------------------------

vi) Penilaian kepentingan secara keseluruhan:
Overall assessment of benefits

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------	-------------------------------------

6. Abstrak Penyelidikan

(Perlu disediakan di antara 100 - 200 perkataan di dalam Bahasa Malaysia dan juga Bahasa Inggeris. Abstrak ini akan dimuatkan dalam Laporan Tahunan Bahagian Penyelidikan & Inovasi sebagai satu cara untuk menyampaikan dapatan projek tuan/puan kepada pihak Universiti & masyarakat luar)

Abstract of Research

(An abstract of between 100 and 200 words must be prepared in Bahasa Malaysia and in English.)

This abstract will be included in the Annual Report of the Research and Innovation Section at a later date as a means of presenting the project findings of the researcher/s to the University and the community at large)

Lihat Lampiran 1

7. Sila sediakan laporan teknikal lengkap yang menerangkan keseluruhan projek ini.

[Sila gunakan kertas berasingan]

Applicant are required to prepare a Comprehensive Technical Report explaining the project.

(This report must be appended separately)

Lihat Lampiran 2

Senaraikan kata kunci yang mencerminkan penyelidikan anda:

List the key words that reflects your research:

Bahasa Malaysia

Geometrically cubical aggregates

Bahasa Inggeris

Agregat berkubik

Asphalt Concrete

Konkrit asfalt

Ageing

Pengusiaan

8. Output dan Faedah Projek

Output and Benefits of Project

(a) * Penerbitan Jurnal

Publication of Journals

(Sila nyatakan jenis, tajuk, pengarang/editor, tahun terbitan dan di mana telah diterbit/diserahkan)

(State type, title, author/editor, publication year and where it has been published/submitted)

Sila lihat Lampiran 3. Akan hantar artikel untuk terbitan di dalam jurnal.

(b) Faedah-faedah lain seperti perkembangan produk, pengkomersialan produk/pendaftaran paten atau impak kepada dasar dan masyarakat.

State other benefits such as product development, product commercialisation/patent registration or impact on source and society.

Tiada

* Sila berikan salinan/Kindly provide copies

(c) **Latihan Sumber Manusia**

Training in Human Resources

i) Pelajar Sarjana: Seorang

Graduates Students

(Perincikan nama, ijazah dan status)

(Provide names, degrees and status)

Ramadhansyah Putra Jaya/Sarjana melalui penyelidikan/telah berijazah

ii) Lain-lain:

Others

9. Peralatan yang Telah Dibeli: Tiada

Equipment that has been purchased



Tandatangan Penyelidik
Signature of Researcher

29/4/08

Tarikh
Date

- menemui objektif kajian
- Perlu hadarkan kontak jurnal dan penyelidikan ini



Prof. Madya Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah
Dekan

PUSAT PENGETAHUAN DAN PENGETAHUAN
JAWATANKUASA PENYELIDIKAN
PUSAT PENGAJIAN DAN PUSAT

Signature of Chairman
[Research Committee of School/Centre]

7/5/08

Tarikh
Date

**KESAN BENTUK AGREGAT KE ATAS SIFAT BAHAN ASFALT
ABSTRAK**

Dalam industri pembinaan jalan raya yang semakin pesat membangun, permintaan ke atas agregat sebagai bahan binaan semakin meningkat. Sifat agregat memberi kesan yang signifikan ke atas ciri-ciri konkrit asfalt memandangkan hampir 90% campuran asfalt terdiri daripada agregat. Dalam kajian ini, agregat berkubik yang digunakan diproses melalui mesin penghancur batu ke batu (Barmac) manakala agregat ketaksekataan dihasilkan langsung daripada kuari. Matlamat kajian ini adalah merekabentuk campuran konkrit asfalt ACW14 menurut spesifikasi JKR dengan menggunakan agregat berkubik dan agregat ketaksekataan. Selain itu, mengkaji kesan pengusiaan terhadap sifat konkrit asfalt seperti modulus kebingkasan, rayapan dinamik dan kekuatan tegangan tak langsung. Dua jenis bahan pengikat telah digunakan iaitu bahan pengikat konvensional 80/100 dan bitumen terubahsuai *styrene butadiene styrene* (SBS). Berdasarkan sifat campuran yang diperoleh, semua campuran berbitumen yang menggunakan agregat berkubik memperlihatkan peningkatan sifat yang ketara berbanding campuran agregat ketaksekataan. Namun begitu, pengusiaan jangka pendek dan pengusiaan jangka panjang yang ditambahkan sinar ultra-ungu di dalam ketuhar juga menunjukkan peningkatan nilai modulus kebingkasan, rayapan dinamik dan kekuatan tegangan tak langsung berbanding campuran tak diusiakan. Keputusan juga menunjukkan bahawa nilai modulus kebingkasan dan kekuuhan rayapan menurun dengan meningkatnya suhu. Sebagai contoh, nilai modulus kebingkasan campuran bitumen 80/100 menurun di antara 60.7% hingga 73.0% manakala penurunan untuk campuran bitumen SBS ialah di antara 62.7% hingga 75.6% pada suhu 25°C ke 40°C. Analisis kajian juga menunjukkan bahawa bitumen terubahsuai lebih mampu merintangi kesan negatif sebagai akibat suhu yang tinggi dan memperlihatkan potensi yang baik dalam merintangi fenomena pengusiaan.

**EFFECT OF AGGREGATE SHAPE ON ASPHALT MATERIALS PROPERTIES
ABSTRACT**

Demand for aggregates as construction material increased due to the continuous development of the road building industry. Since aggregates made up of more than 90% of an asphalt mixture, aggregate properties significantly influence mix performance. Cubical aggregates used in this study were processed using the Barmac crusher compared to irregularly unevenly shaped aggregates produced from the quarries. The objective of this study was to design asphalt mixes complying with the JKR specifications for ACW14 using cubical and irregularly shaped aggregates. The effects of ageing on resilient modulus, dynamic creep and indirect tensile strength of both mixes were also studied. Two types of binder used in this study were a conventional 80/100 bitumen and a modified bitumen. From the mix properties, it was noticeable that mixes incorporating cubical aggregates exhibited improved performance compared to mixes incorporating irregularly shaped aggregates. Nevertheless, short term and long term ageing with ultra violet ray in a draft oven resulted in the increment of resilient modulus, dynamic creep and indirect tensile strength compared to un-aged mix specimens. These results also showed that the resilient modulus and dynamic creep value reduced as the temperature increased. For instance, the resilient modulus of mixes incorporating 80/100 bitumen decreased between 60.7% and 73.0% while the decrease for mixes incorporating SBS bitumen was between 62.7% and 75.6% when the test temperature increased from 25°C to 40°C. Analysis also showed that mixes incorporating modified bitumen were able to resist the adverse effects of high temperature and exhibited the potential to resist ageing.

1.0 PENGENALAN

Dalam pembinaan suatu jalan raya, struktur turapan direkabentuk untuk menanggung beban lalu lintas unjur. Keupayaan struktur turapan untuk menanggung beban bukan hanya bergantung kepada ketebalan lapisan tetapi juga kepada kualiti bahan setiap lapisan tersebut. Namun begitu, kualiti bahan yang digunakan banyak mempengaruhi prestasi turapan di sepanjang hayat rekabentuknya. Penggunaan agregat yang berkualiti amat diperlukan di dalam pembuatan konkrit asfalt. Agregat yang berbentuk kubik akan memberikan kekuatan tambahan kepada konkrit asfalt kerana bentuknya yang tidak mudah patah apabila dikenakan daya mampatan secara berulang-ulang. Agregat berkubik juga perlu bagi partikel untuk menyusun rapat dalam mengisi ruang-ruang udara di dalam konkrit (Hudson, 1995). Bentuk agregat yang dihasilkan seperti berkubik, berkeping, memanjang dan ketaksekataan bergantung kepada faktor pemecahan dan jenis penghancur yang digunakan.

Penghancur Barmac merupakan jenis penghancur hentaman batu ke batu yang mampu menghasilkan agregat yang berkualiti tinggi. Oleh kerana itu, kajian ini bertumpu kepada penggunaan agregat berkubik hasil dari produk mesin Barmac yang kemudiannya digunakan dalam campuran konkrit asfalt jenis ACW14. Tujuan penggunaan agregat berkubik dalam campuran konkrit asfalt adalah untuk meningkatkan kebolehlenturan dan kestabilan turapan jalan raya. Di samping itu, kajian juga dijalankan agar ciri ciri rekabentuk campuran yang diperolehi mematuhi spesifikasi JKR yang terkandung dalam SPJ 88 (JKR, 1988). Dengan itu, satu turapan dengan ciri kebolehlenturan yang tinggi diharapkan dapat terhasil dalam jangka hayat yang panjang dan berupaya menahan pembebanan kenderaan secara berulang-ulang.

2.0 OBJEKTIF

- i. Mengkaji dan menilai kesan agregat berkubik yang telah dihancurkan menggunakan mesin Barmac terhadap kekuatan konkrit asfalt berbanding agregat ketaksekataan.
- ii. Menentukan kandungan bitumen optimum konkrit asfalt jenis ACW14 yang menggabungkan agregat berkubik dan agregat ketaksekataan di dalam campuran bitumen SBS dan bitumen 80/100.
- iii. Menjalankan ujian lanjutan untuk menentukan prestasi campuran konkrit asfalt ACW14 daripada ujian modulus kebingkasan, ujian rayapan dinamik, dan ujian kekuatan tegangan tak langsung pada konkrit asfalt campuran agregat berkubik dan agregat ketaksekataan.
- iv. Mengkaji dan membandingkan kesan campuran konkrit asfalt ACW14 sebelum dan selepas pengusiaan dengan menjalankan ujian modulus kebingkasan, ujian rayapan dinamik dan ujian tegangan tak langsung.

3.0 KAJIAN LITERATUR

Pembinaan jalan raya merupakan sektor yang penting dalam ekonomi Malaysia dan bergantung tinggi kepada sektor agregatnya. Agregat terkenal sebagai "Cinderella" dalam dunia perlombongan dan sejak beberapa tahun ini telah membangun sebagai satu industri galian yang besar dalam dunia yang sedang pesat membangun (Smith dan Collis, 1993). Permintaan terhadap agregat untuk pembinaan jalan raya semakin meningkat. Ciri-ciri agregat sangat penting kepada kelakuan turapan konkrit asfalt dalam pembinaan jalan raya. Kandhal dan Mallick (1997) menyatakan bahawa kegagalan turapan seperti ubah bentuk kekal, perlucutan, penghancuran permukaan, dan rintangan geseran permukaan yang tidak mencukupi, boleh disebabkan oleh pemilihan dan penggunaan agregat yang tidak sesuai. Bantha et al. (2003) pula menyebut kekuatan dan ketahanlasakan turapan konkrit asfalt dipengaruhi oleh ciri-ciri bahan utamanya iaitu agregat.

Agregat berkualiti tinggi seperti yang berbentuk berkubik dan tekstur permukaan yang lebih baik telah dibuktikan sebagai suatu unsur yang penting dalam campuran konkrit asfalt. Chowdhury et al. (2001) melaporkan bahawa apabila beban dikenakan kepada agregat dalam campuran konkrit asfalt, maka permukaan kasar partikel agregat saling mengunci diantara satu sama lain dan berfungsi sebagai satu jisim utama dan elastik, dan seterusnya meningkatkan kekuatan rincih. Bentuk partikel campuran asfalt dan tekstur permukaan agregat adalah penting untuk mendapatkan pemanjangan yang sempurna, meningkatkan rintangan beban ulangan dan kebolehkerjaan yang tinggi. Secara amnya, agregat berkubik dan bersudut dengan tekstur permukaan yang kasar adalah yang terbaik. Bitumen bertindak sebagai bahan pengikat yang melekatkan campuran bersama, tetapi agregat daripada isipadu pukal campuran membekalkan sebahagian besar daripada kekuatan sesuatu campuran.

Konkrit asfalt mengandungi kira-kira 95% mineral agregat daripada segi beratnya. Agregat mineral terdiri daripada kandungan agregat kasar yang tinggi. Kajian telah menunjukkan bahawa ciri-ciri agregat seperti saiz partikel, bentuk, dan tekstur mempengaruhi prestasi dan keupayaan perkhidmatan konkrit asfalt (Brown et al., 1989; Kandhal et al., 1992; Kim et al., 1992). Agregat yang leper dan memanjang cenderung untuk patah semasa proses pencampuran, pemanjangan, dan dibawah beban lalulintas yang tinggi. Oleh itu, agregat berkubik adalah salah satu ciri penting yang mesti diambil kira dalam reka bentuk campuran konkrit asfalt untuk mengelakkan kegagalan turapan.

Banyak kajian telah menekankan peranan agregat berkubik dalam mengawal kelakuan campuran konkrit asfalt terutama sekali kelakuan rintangan terhadap peretakan lesu dan ubah bentuk kekal. Ubah bentuk kekal yang berlaku dalam turapan campuran berbitumen telah meningkat sebelum mencapai hayat reka bentuknya, manakala kajian menunjukkan bahawa campuran konkrit asfalt dipengaruhi oleh sifat agregat (Kalcheff dan Tunnicliff, 1982; Monismith, 1970; dan Kandhal dan Parker, 1998). Penyelidik-penyalidik ini telah menjalankan ujian yang memberi fokus pada pengaruh agregat halus, agregat kasar dan kesan gabungan agregat kasar dan halus ke atas campuran konkrit asfalt.


4.0 CIRI BAHAN DAN METODOLOGI

Bahan yang digunakan di dalam campuran asfalt ialah agregat, bitumen dan bahan pengisi. Penghancur hentaman aci menegak Barmac telah digunakan untuk menghasilkan agregat berbentuk kubik bagi menambah baik kualiti agregat yang sedia ada. Oleh yang demikian, pemilihan bahan-bahan yang sesuai perlu dilakukan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

4.1 Agregat

Agregat granit dibekalkan oleh YEN BUMI Sdn.Bhd. yang terletak di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Untuk menghasilkan bentuk agregat yang berkubik, mesin penghancur Barmac (Rajah 3.1) digunakan dalam kajian ini yang terdapat di Makmal Bahan dan Mineral, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral, Universiti Sains Malaysia.

Ujian yang dijalankan ke atas agregat adalah Ujian Penggredan Agregat, Ujian Gravitasi Tentu dan Penyerapan Air, Ujian Pecahan Agregat (ACV), Ujian Hentaman Agregat (AV), Ujian Indeks Pemanjangan (EI) dan Ujian Indeks Kekepingan (FI).




Rajah 3.1: Mesin Barmac RoR

Mekanisme penghasilan agregat berkubik berlaku apabila wujud perlanggaran di antara satu partikel agregat dengan partikel agregat lain dan juga hentaman agregat terhadap binaan lapisan batuan di bahagian dalam ruangan pemutar. Lapisan batuan akan terbina di dalam rotor dan kebuk penghancuran yang berperanan sebagai media penghancur sesama batuan. Terdapat empat jenis mekanisme pemecahan yang berlaku semasa operasi penghancuran dijalankan iaitu lelasan (*abrasion*), penghakisan geseran (*attrition*), hentaman (*shatter*) dan belahan (*cleavage*). Kesemua mekanisme tersebut berlaku di dalam penghancur Barmac sehingga menghasilkan satu produk agregat berkubik. Rajah 3.2 menunjukkan rupa bentuk agregat sebelum dan selepas dihancurkan menggunakan mesin penghancur Barmac.



Rajah 3.2: Agregat Kasar Sebelum dihancurkan dan Selepas dihancurkan

Penggredan agregat yang digunakan dalam kajian ini mematuhi penggredan agregat untuk jenis campuran ACW14 yang tercatat dalam spesifikasi JKR (JKR, 1988). Penggredan ini dipilih berdasarkan prestasinya yang baik, sesuai dan telah lama digunakan dalam pembinaan jalan raya di Malaysia. Rajah 3.3 menunjukkan lilitan penggredan yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 3.3 : Penggredan agregat yang digunakan dalam kajian (JKR, 1988)

4.2 Bitumen

Bitumen merupakan satu daripada unsur penting dalam merekabentuk campuran. Sifat bitumen mempengaruhi kekuatan, berat unit, kandungan rongga udara dan ketahanlasakan campuran asfalt. Ujian yang dijalankan ke atas bitumen adalah Ujian Penusukan Piawai, Ujian Titik Lembut dan Ujian Kemuluran. Ujian dilakukan menurut tatacara piawai AASHTO (AASHTO, 2002).

Jadual 3.1: Kaedah Ujian Terhadap Bitumen Konvensional 80/100 dan Bitumen Terpinda SBS

Jenis Bitumen	Penamaan Ujiaan	Kaedah Ujikaji
Konvensional 80/100 dan Terpinda SBS	Penusukan Piawai	AASHTO T49-97, 2002 (AASHTO, 2002a)
	Titik Lembut	AASHTO T53-96, 2002 (AASHTO, 2002b)
	Kemuluran	AASHTO T51-00, 2002 (AASHTO, 2002c)

5.0 PENYEDIAAN SPESIMEN DAN PERALATAN

5.1 Pemilihan Agregat

Agregat yang digunakan dalam kajian ini adalah agregat yang diayak mengikut julat saiz yang dikehendaki iaitu saiz 20-14 mm, 14-10 mm, 10-5 mm, 5-3.35 mm, 3.35-1.18 mm, 1.18-0.425 mm, 0.425-0.150 mm dan 0.150-0.075 mm. Agregat dikelompokkan secara berasingan mengikut berat yang ditetapkan iaitu 1200 g. Agregat yang digunakan ditimbang dan diletakkan ke dalam sebuah bekas. Agregat dan pengisi yang telah dihitung beratnya, dimasukkan ke dalam ketuhar bersama acuan keluli dan rod logam yang digunakan sepanjang proses penghasilan spesimen.

5.2 Penyediaan Bitumen

Bitumen merupakan bahan pengikat yang berfungsi sebagai agen untuk melekatkan butiran agregat dengan bahan pengisi dalam campuran. Jenis bitumen yang digunakan dalam kajian ini ialah bitumen 80/100 dan bitumen SBS. Bitumen 80/100 dipanaskan dalam ketuhar pada suhu 140°C selama lebih kurang 2 jam, manakala bitumen SBS dipanaskan pada suhu 180°C selama sekurang-kurangnya 4 jam.

5.3 Pemadatan Spesimen Dengan Pemadat Marshall

Pelantak dan acuan keluli dibersihkan dan dipanaskan mengikut suhu campuran. Agregat dan pengikat dibancuh dalam mesin pencampur. Acuan yang telah dipanaskan diletakkan di atas meja dan sehelai kertas turas berdiameter 101.6 mm dimasukkan ke dasar acuan. Kesemua campuran kelompok yang panas dimasukkan ke dalam acuan. Spesimen dicucuk sebanyak 15 kali di sekeliling dan 5 kali ditengah dengan menggunakan rod logam, bahagian atas campuran diratakan dan sehelai kertas turas diletakkan di atasnya. Setelah spesimen siap untuk dipadat, spesimen diletakkan di bawah tukul pemadat Marshall yang telah disetkan pada nilai hentaman sebanyak 75 kali setiap permukaan. Spesimen dibiarkan menyejuk semalam sebelum disemperit untuk penentuan sifat geometri dan ujian lanjutan.

5.4 Ujian-Ujian Keatas Spesimen

5.4.1 Ujian Kestabilan dan Aliran

Ujian kestabilan Marshall dijalankan menurut tatacara ASTM D6927-04, (ASTM, 2005a). Tujuan utama ujian Marshall dijalankan ialah untuk mendapatkan nilai kestabilan dan aliran yang merupakan di antara parameter yang digunakan untuk menentukan kandungan bitumen optimum campuran berbitumen.

5.4.2 Penentuan Graviti Tentu Teori Maksimum Campuran

Penentuan graviti tentu teori maksimum campuran dijalankan menurut kaedah AASHTO T-209-99. (AASHTO, 2002d).

5.4.3 Ujian Modulus Kebingkasan

Ujian modulus kebingkasan digunakan untuk mengukur modulus elastic campuran asfalt. Nilai modulus kebingkasan sangat berkesan untuk meramal sifat kebolehlenturan spesimen. Spesimen konkrit asfalt yang mempunyai nilai modulus kebingkasan yang rendah pada suhu yang rendah mempamerkan sifat kebolehlenturan baik kerana pemulihan terikan yang tinggi. Ujikaji ini dijalankan mengikut prosedur ASTM D4123 (ASTM, 2005b).

5.4.4 Ujian Rayapan Dinamik

Prosedur untuk menjalankan ujian rayapan dinamik adalah berdasarkan spesifikasi ASTM D4123 (ASTM, 2005b). Ujian rayapan dinamik dijalankan untuk mengkaji rintangan terhadap ubah bentuk apabila dikenakan beban berulang pada suhu yang tinggi. Ujian rayapan dinamik dilakukan dengan mengenakan denyutan yang berulangan secara paksi ke atas spesimen. Dua suhu ujian diterima pakai iaitu 40°C dan 60°C.

5.4.5 Ujian Kekuatan Tegangan Tak Langsung

Ujian kekuatan tegangan tak langsung (ITS) merupakan satu ujian yang dijalankan untuk menilai tegangan maksimum yang mampu ditanggung oleh spesimen sebelum ia gagal. Dalam keadaan sebenar, beban yang dikenakan merupakan beban lalu lintas oleh kenderaan ke atas permukaan jalan. Ujian kekuatan tegangan tak langsung dijalankan menurut kaedah yang terkandung dalam ASTM D4123 (ASTM, 2005b).

5.4.6 Pengusiaan Jangka Masa Pendek

Pengusiaan jangka masa pendek merupakan satu prosedur makmal yang digunakan untuk mensimulasi kesan pengusiaan campuran asfalt panas dan penyerapan bahan pengikat yang berlaku semasa proses pencampuran agregat dan pra-pemadatan proses pembinaan. Kaedah pengusiaan jangka masa pendek yang telah digunakan di dalam kajian ini dilakukan berdasarkan kaedah AASHTO R30-02 (AASHTO, 2002e).

5.4.7 Pengusiaan Jangka Masa Panjang

Pengusiaan jangka masa panjang digunakan untuk mensimulasi pengusiaan yang berlaku selepas kira-kira 10 tahun turapan tersebut berada dalam tempoh perkhidmatannya. Oleh itu, pengusiaan jangka masa panjang digunakan bagi mensimulasi ciri-ciri campuran semasa penghujung hayat turapan tersebut. Pengusiaan jangka masa panjang campuran adalah berterusan daripada pengusiaan jangka masa pendek bagi campuran yang disediakan di makmal.

6.0 REKA BENTUK CAMPURAN

Secara umumnya, keputusan ujian dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu ujian terhadap agregat, ujian terhadap bitumen dan reka bentuk campuran. Keputusan ujian agregat, bitumen dan reka bentuk campuran menggambarkan sifat yang digunakan di dalam konkrit asfalt ACW14 dan juga untuk menilai pematuhan kepada Spesifikasi JKR (JKR, 1988).

6.1 Graviti Tentu dan Penyerapan Air

Nilai graviti tentu membayangkan sifat isipadu campuran asfalt. Keputusan graviti tentu dan penyerapan air setiap julat saiz agregat menurut penggredan ACW14 untuk agregat ketaksekataan dan agregat berkubik masing-masing ditunjukkan dalam Jadual 5.1 dan Jadual 5.2.

Jadual 5.1: Keputusan Ujian Graviti Tentu dan Penyerapan Air Agregat Ketaksekataan


Saiz Agregat (mm)	Graviti tentu			Penyerapan air (%)
	Graviti tentu (Kering-Ketuhar)	Graviti tentu (SSD)	Graviti tentu ketara	
20 – 14	2.614	2.632	2.661	0.74
14 – 10	2.624	2.635	2.663	0.78
10 – 5	2.634	2.647	2.668	0.81
5 - 3.35	2.644	2.665	2.670	0.84
3.35 - 1.18	2.653	2.673	2.705	0.88
1.18 - 0.425	2.658	2.676	2.708	0.90
0.425 - 0.150	2.655	2.675	2.713	0.95
0.150 - 0.075	2.659	2.682	2.735	0.97

Jadual 5.2: Keputusan Ujian Graviti Tentu dan Penyerapan Air Agregat Berkubik

Saiz Agregat (mm)	Graviti tentu			Penyerapan air (%)
	Graviti tentu (Kering-Ketuhar)	Graviti tentu (SSD)	Graviti tentu ketara	
20 - 14	2.642	2.665	2.680	0.59
14 - 10	2.657	2.672	2.683	0.61
10 - 5	2.659	2.675	2.689	0.64
5 - 3.35	2.662	2.676	2.695	0.68
3.35 - 1.18	2.666	2.679	2.710	0.75
1.18 - 0.425	2.660	2.685	2.715	0.80
0.425 - 0.150	2.675	2.689	2.725	0.86
0.150 - 0.075	2.682	2.696	2.738	0.90

6.2 Nilai Hentaman Agregat

Nilai hentaman agregat (AV) merupakan suatu ukuran relatif rintangan sesuatu agregat terhadap beban hentaman. Rajah 5.1 melakarkan keputusan nilai AV agregat ketaksekataan dan agregat berkubik. Nilai AV agregat ketaksekataan ialah 26.0% manakala agregat berkubik ialah 22.2%.




Rajah 5.1: Perbandingan Nilai AV Agregat Ketaksekataan dan Agregat Berkubik

6.3 Nilai Pecahan Agregat

Nilai pecahan agregat (ACV) merupakan suatu ukuran ketahanan agregat terhadap penghancuran di bawah tindakan beban mampatan yang bertindak secara perlahan-lahan. Keputusan nilai ACV bagi agregat ketaksekataan dan agregat berkubik ditunjukkan dalam Rajah 5.2. Nilai ACV agregat berkubik dan agregat ketaksekataan masing-masing


ialah 18.1% dan 21.8%. Nilai ACV agregat berkubik adalah 14.7% lebih rendah berbanding agregat ketaksekataan yang dihancurkaan melalui mod mampatan.



Rajah 5.2: Perbandingan ACV Agregat Ketaksekataan dan Agregat Berkubik

6.3 Indeks Kekepingan


Keputusan indeks kekepingan agregat ditunjukkan di dalam Rajah 5.3. Nilai indeks kekepingan agregat berkubik adalah lebih rendah berbanding agregat ketaksekataan iaitu 7.9% berbanding 17.6%. Indeks kekepingan agregat ketaksekataan adalah lebih tinggi daripada indeks kekepingan agregat berkubik sebanyak 54.8%. Menurut Spesifikasi JKR (JKR, 1988), had tentuan nilai indeks kekepingan agregat ialah tidak melebihi 30%.



Rajah 5.3: Perbandingan Nilai Indeks Kekepingan Agregat Ketaksekataan dan Agregat Berkubik

6.4 Indeks Pemanjangan

Daripada carta bar Rajah 5.4, agregat berkubik mempunyai nilai indeks pemanjangan yang lebih rendah dibandingkan agregat biasa. Misalnya, indeks pemanjangan agregat ketaksekataan pada pecahan saiz 20-14mm, 14-10mm dan 10-6.3mm masing-masing ialah 16.9%, 18.4% dan 17.5%. Walau bagaimanapun, indeks pemanjangan agregat berkubik yang setara adalah 8.3%, 8.3% dan 7.2% iaitu sebanyak 51.0%, 54.8% dan 58.6% lebih kecil daripada agregat ketaksekataan.



Rajah 5.4: Perbandingan Nilai Indeks Pemanjangan Agregat Ketaksekataan dan Agregat Berkubik

6.5 Penusukan Piawai

Jadual 5.3 menunjukkan nilai penusukan bitumen 80/100 dan bitumen SBS masing-masing sebanyak 81 dmm dan 47 dmm. Nilai penusukan yang tinggi bermakna bitumen bersifat lebih lembut dan begitu juga sebaliknya.

Jadual 5.3: Keputusan Ujian Penusukan Piawai

Jenis Bitumen	Purata Penusukan (dmm)
80/100	81
SBS	47

6.6 Titik Lembut Bitumen

Nilai titik lembut digunakan untuk menentukan ciri kerentanan suhu bahan bitumen. Keputusan purata titik lembut bitumen diberikan di dalam Jadual 5.4. Bitumen 80/100 mempunyai nilai titik lembut yang rendah berbanding bitumen SBS iaitu 46.5°C berbanding 97.5°C . Ini menunjukkan bahawa bitumen SBS mempunyai ketahanan terhadap suhu yang tinggi dan lebih sesuai digunakan sebagai bahan campuran konkrit asfalt.

Jadual 5.4: Keputusan Ujian Titik Lembut

Jenis Bitumen	Purata Titik Lembut ($^{\circ}\text{C}$)
80/100	46.5
SBS	97.5

6.7 Kemuluran Bitumen

Bahan yang mulur akan memanjang apabila dikenakan daya tegangan, manakala bahan yang rapuh pula akan patah apabila daya sedemikian dikenakan. Menurut Spesifikasi JKR (JKR, 1988), kemuluran bitumen pada suhu 25°C bagi bitumen 80/100 hendaklah melebihi 100 sm. Daripada Jadual 5.5, kemuluran bitumen 80/100 dan bitumen SBS masing-masing ialah 156.3 sm dan 160.2 sm iaitu melebihi had yang ditetapkan oleh spesifikasi JKR (JKR, 1988).

Jadual 5.5: Keputusan Ujian Kemuluran

Jenis Bitumen	Purata Kemuluran (sm)
80/100	156.3
SBS	160.2

6.8 Ketumpatan Nisbi

Nilai ketumpatan nisbi diperolehi daripada Shell Ltd dan PPMS Sdn.Bhd. iaitu 1.02 dan 1.01 masing-masing bagi bitumen konvensional 80/100 dan bitumen terpinda SBS. Nilai ini menunjukkan bahawa bitumen konvensional 80/100 lebih tumpat daripada bitumen terpinda SBS. Jadual 5.6 turut merumuskan ciri bitumen 80/100 yang digunakan dalam menghasilkan spesimen untuk kajian ini.

Jadual 5.6: Ciri Bahan Pengikat 80/100 (JKR, 1988)

Ciri Bitumen	Konvensional 80/100
Ketumpatan Nisbi	1.02
Titik Lembut ($^{\circ}\text{C}$)	45-52
Penusukan Piawai Pada Suhu 25°C (pen)	80-100
Kemuluran (cm) Pada Suhu 25°C	> 100

6.9 Penentuan Kandungan Bitumen Optimum

Kandungan bitumen optimum ditentukan menurut kaedah Marshall dengan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh JKR (JKR, 1988). Parameter yang digunakan dalam penentuan kandungan bitumen optimum adalah berdasarkan nilai kestabilan, berat unit, aliran, lompang dalam campuran dan lompang dalam agregat galian. Walau

bagaimanapun, modulus kebingkasan telah ditambahkan untuk mensimulasikan prestasi campuran konkrit asfalt.

Tujuan utama reka bentuk campuran konkrit asfalt ACW14 ialah untuk mendapatkan nilai kandungan bitumen optimum. Nilai tersebut ialah jumlah kandungan bitumen yang mencukupi untuk menghasilkan segala ciri baik yang diharapkan daripada sesuatu campuran turapan. Sekiranya kandungan bitumen terlalu rendah, agregat tidak akan tersalut sepenuhnya, dan lompang udara akan meningkat ke aras yang berlebihan hingga menyebabkan ketahanlasakan menurun. Kandungan bitumen optimum untuk konkrit asfalt ACW14 ditentukan daripada kehubungan berikut:

- kestabilan lawan kandungan bitumen
- berat unit lawan kandungan bitumen
- aliran lawan kandungan bitumen
- lompang dalam campuran lawan kandungan bitumen
- lompang dalam agregat galian lawan kandungan bitumen
- modulus kebingkasan lawan kandungan bitumen.

Perincian nilai kandungan bitumen optimum ditunjukkan dalam Jadual 5.7 iaitu 5.0%, 4.8%, 5.0% dan 4.7% untuk campuran IK, CK, IS dan CS masing-masing.

Jadual 5.7: Kandungan Bitumen Optimum Konkrit Asfalt ACW14

Parameter	Kandungan Bitumen (%)			
	IK	CK	IS	CS
Kestabilan	4.9	4.7	4.8	4.6
Berat Unit	5.4	5.3	5.5	5.2
4% Lompang	5.0	4.8	4.5	4.3
Lompang Dalam Agregat	4.8	4.7	5.2	4.5
Modulus Kebingkasan	4.8	4.7	4.9	4.9
Kandungan Bitumen Optimum (%)	5.0	4.8	5.0	4.7


7.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Daripada hasil kajian, satu perbandingan antara ciri campuran bitumen lazim dengan campuran bitumen terubahsuai, campuran agregat berkubik dengan agregat ketaksekataan dan suhu kajian yang dipelbagaiakan; dilakukan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan menentukan kesan proses pengusiaan terhadap ciri kejuruteraan konkrit asfalt yang kemudiannya dibandingkan dengan keputusan kajian lain. Ujian yang telah dijalankan merangkumi ujian modulus kebingkasan, ujian rayapan dinamik, ujian kekuatan tegangan tak langsung, pengusiaan jangka pendek (STA) dan pengusiaan jangka panjang (LTA).


7.1 Modulus Kebingkasan

Modulus kebingkasan ialah penentuan nisbah antara tekanan yang diberikan dan terikan baikpulih yang berlaku setelah tekanan dikenakan pada masa tertentu. Keputusan

modulus kebingkasan konkrit asfalt campuran bitumen 80/100 dan bitumen SBS pada OBC \pm 0.5% dilakarkan di dalam Rajah 6.1 dan Rajah 6.2. Modulus kebingkasan meningkat dengan pertambahan kandungan bitumen sehingga mencapai nilai maksimum dan mula menurun walaupun kandungan bitumen masih bertambah.



Rajah 6.1: Keputusan Ujian Modulus Kebingkasan Campuran Bitumen 80/100



Rajah 6.2: Keputusan Ujian Modulus Kebingkasan Campuran Bitumen SBS

7.2 Kesan Suhu

Keputusan ujian modulus kebingkasan pada suhu 25°C dan 40°C dipaparkan di dalam Jadual 6.1. Ternyata, modulus kebingkasan menurun dengan meningkatnya suhu. Keputusan juga menunjukkan pada suhu 25°C, penggunaan bitumen SBS dalam campuran konkrit asfalt memperbaiki nilai modulus yang lebih tinggi berbanding campuran bitumen 80/100. Namun begitu, pada suhu 40°C, nilai modulus bagi kedua-dua


jenis campuran tersebut mula menurun iaitu antara 60.7% hingga 75.6%. Nilai modulus yang tinggi menunjukkan campuran yang dihasilkan berpotensi merintangi ubah bentuk yang tinggi.

Jadual 6.1: Keputusan Ujian Modulus Kebingkasan Pada Suhu 25°C dan 40°C


Jenis Bitumen	Jenis Campuran	Kandungan Bitumen (%)	Modulus Kebingkasan (MPa)		Penurunan (%)
			25°C	40°C	
80/100	IK	4.5	2,402	648	73.0
		5.0	2,857	1,123	60.7
		5.5	1,879	566	69.9
	CK	4.3	2,776	966	65.2
		4.8	3,729	1,352	63.7
		5.3	2,228	826	62.9
SBS	IS	4.5	3,116	1,164	62.7
		5.0	4,343	1,352	68.9
		5.5	3,827	934	75.6
	CS	4.2	3,957	1,358	65.7
		4.7	4,675	1,504	67.8
		5.2	4,200	1,184	71.8

7.3 Rayapan Dinamik

Keputusan ujian rayapan dinamik pada OBC $\pm 0.5\%$ bagi campuran bitumen 80/100 dan campuran bitumen SBS dilakarkan di dalam Rajah 6.3 dan Rajah 6.4. Daripada lengkung yang terhasil, rayapan dinamik meningkat dengan meningkatnya kandungan bitumen dan mula menurun selepas titik maksimum dilalui walaupun kandungan bitumen masih bertambah. Keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa konkrit asfalt campuran CK dan CS meningkat lebih ketara jika dibandingkan dengan campuran IK dan IS. Hal ini membuktikan bahawa agregat berkubik di dalam campuran berperanan dalam menghasilkan konkrit asfalt yang bermutu tinggi jika dibandingkan dengan campuran agregat ketaksekataan.



Rajah 6.3: Keputusan Rayapan Dinamik Campuran Bitumen 80/100



Rajah 6.4: Keputusan Rayapan Dinamik Campuran Bitumen SBS

7.4 Kesan Suhu


Kehubungan suhu dengan rayapan dinamik diberikan di dalam Jadual 6.2. Nilai rayapan menurun dengan meningkatnya suhu. Hasil kajian juga membuktikan bahawa, pada suhu tinggi, nilai kekuahan rayapan menurun. Penurunan nilai yang paling ketara berlaku pada campuran berbitumen 80/100. Peratus menurunnya nisbah rayapan berjulat diantara 10.7% hingga 51.8% bagi kesemua jenis campuran. Walau bagaimanapun, konkrit asfalt campuran berbitumen SBS lebih berupaya dalam merintangi masalah suhu tinggi berbanding campuran berbitumen lazim.

Jadual 6.2: Keputusan Ujian Rayapan Dinamik Pada Suhu 40°C dan 60°C


Jenis Bitumen	Jenis Campuran	Kandungan Bitumen (%)	Rayapan Dinamik (MPa)		Penurunan (%)
			40°C	60°C	
80/100	IK	4.5	14.5	12.7	12.4
		5.0	20.5	17.7	13.7
		5.5	18.6	12.4	33.4
	CK	4.3	21.4	13.7	36.0
		4.8	24.4	21.8	10.7
		5.3	20.0	12.8	36.0
SBS	IS	4.5	19.6	15.2	22.4
		5.0	24.4	19.1	21.6
		5.5	23.1	12.7	45.0
	CS	4.2	26.3	15.9	39.4
		4.7	30.6	25.6	16.5
		5.2	29.5	14.2	51.8

7.5 Kekuatan Tegangan Tak Langsung

Keputusan ujian ITS pada OBC \pm 0.5% bagi campuran bitumen 80/100 dan campuran bitumen SBS digambarkan di dalam Rajah 6.5 dan Rajah 6.6. Di dapati, kekuatan tegangan bertambah dengan penambahan kandungan bitumen, tetapi berkurang apabila kandungan bitumen melebihi nilai optimum. Nilai yang tinggi diperlukan bagi memastikan sesuatu turapan dapat menampung tegasan yang diakibatkan oleh beban kenderaan. Rajah 6.5 dan Rajah 6.6 juga memperlihatkan jenis lengkung berbentuk kuadratik bagi campuran CK dan CS berada diatas lengkung IK dan IS, hal ini menunjukkan bahawa konkrit asfalt campuran CK dan CS menghasilkan satu nilai tegangan yang tinggi berbanding campuran IK dan IS.



Rajah 6.5: Keputusan Kekuatan Tegangan Tak Langsung Campuran Bitumen 80/100



Rajah 6.6: Keputusan Kekuatan Tegangan Tak Langsung Campuran Bitumen SBS

7.6 Pengusiaan

7.6.1 Kesan Pengusiaan Jangka Pendek Terhadap Modulus Kebingkasan

Perbezaan suhu yang digunakan dalam kajian modulus kebingkasan dilakukan bagi mengenal pasti kesan yang ditimbulkan terhadap pengusiaan. Jadual 6.3 memberikan keputusan kajian modulus kebingkasan pada suhu 25°C dan 40°C. Secara umumnya, nilai modulus kebingkasan meningkat bagi kesemua jenis campuran selepas diusiakan. Peningkatan yang direkodkan pada suhu 25°C berjulat diantara 13.0% hingga 15.4%, manakala pada suhu 40°C nisbah peningkatan dari tak diusia kepada pengusiaan ialah berkadar songsang iaitu antara 1.2% hingga 26.2%.


Jadual 6.3: Keputusan Ujian Modulus Kebingkasan Pada Suhu 25°C dan 40°C Setelah Pengusiaan Jangka Pendek

Jenis Bitumen	Jenis Campuran	Modulus Kebingkasan (MPa)		Peningkatan (%)	Modulus Kebingkasan (MPa)		Peningkatan (%)		
		25°C			40°C				
		Tak Diusia	STA		Tak Diusia	STA			
80/100	IK	2857	3229	13.0	1123	1267	12.8		
	CK	3729	4304	15.4	1352	1368	1.2		
SBS	IS	4343	4956	14.1	1352	1706	26.2		
	CS	4675	5339	14.2	1504	1848	22.8		

7.6.2 Kesan Pengusiaan Jangka Panjang Terhadap Modulus Kebingkasan

Daripada Rajah 6.7, nilai modulus kebingkasan yang diperolehi selepas simulasi pengusiaan jangka masa panjang dengan penambahan sinaran ultra-ungu dalam ketuhar udara teralir telah meningkat. Misalnya, pada suhu 25°C, peningkatan yang direkodkan

berjulat diantara 28.4% hingga 56.6% bagi semua jenis campuran. Pada suhu 40°C, nilai modulus kebingkasan meningkat sebanyak 15.9% hingga 36.9%. Hal ini menunjukkan pengerasan bahan pengikat dalam campuran telah bertambah akibat proses pengusiaan. Secara keseluruhannya, campuran CKL dan campuran CSL memberikan nilai modulus yang tinggi sebelum dan selepas diusiakan berbanding campuran IKL dan ISL.



Rajah 6.7: Keputusan Modulus Kebingkasan Pengusiaan Jangka Masa Panjang

7.6.3 Kesan Pengusiaan Jangka Pendek Terhadap Rayapan Dinamik

Secara keseluruhannya, nisbah rayapan menurun dengan meningkatnya suhu. Misalnya, suhu 40°C mencatatkan peratus peningkatan nilai kekuahan rayapan selepas diusiakan iaitu 11.2% dan 13.1% masing-masing bagi campuran IKS dan CKS. Manakala campuran ISS dan CSS merekodkan nilai sebanyak 8.6% dan 9.1% masing-masing. Walau bagaimanapun, selepas suhu kajian ditingkatkan menjadi 60°C, nisbah rayapan yang diperolehi menunjukkan penurunan yang ketara seperti ditunjukkan di dalam Jadual 6.4.

Jadual 6.4: Keputusan Ujian Rayapan Dinamik Pada Suhu 25°C dan 40°C Setelah Pengusiaan Jangka Pendek

Jenis Bitumen	Jenis Campuran	Rayapan Dinamik (MPa)		Peningkatan (%)	Rayapan Dinamik (MPa)		Peningkatan (%)		
		40°C			60°C				
		Tak Diusia	STA		Tak Diusia	STA			
80/100	IK	20.5	22.8	11.2	17.7	18.7	5.7		
	CK	24.4	27.6	13.1	21.8	24.3	11.5		
SBS	IS	24.4	26.5	8.6	19.1	22.3	16.8		
	CS	30.6	33.4	9.1	25.6	27.6	7.8		

7.6.4 Kesan Pengusiaan Jangka Panjang Terhadap Rayapan Dinamik

Pengusiaan jangka masa panjang digunakan untuk mensimulasi pengusiaan yang berlaku selepas 10 tahun turapan tersebut berada dalam tempoh perkhidmatannya. Nilai kekuahan rayapan meningkat selepas pengusiaan. Peratusan peningkatan ini begitu ketara bagi semua jenis campuran. Ini dapat dibuktikan pada suhu 40°C, nilai rayapan dinamik meningkat diantara 14.7% sehingga 24.2% dan pada suhu 60°C, peratusan peningkatan adalah 16.8% hingga 25.2%. Nilai kekuahan rayapan yang tinggi menunjukkan spesimen tersebut mampu merintangi masalah yang diakibatkan oleh pengusiaan pada suhu 40°C dan 60°C.

Jadual 6.5: Keputusan Ujian Rayapan Dinamik
Pengusiaan Jangka Panjang Pada Suhu 25°C dan 40°C

Jenis Bitumen	Jenis Campuran	Rayapan Dinamik (MPa)		Peningkatan (%)	Rayapan Dinamik (MPa)		Peningkatan (%)		
		40°C			60°C				
		Tak Diusia	LTA		Tak Diusia	LTA			
80/100	IK	20.5	24.9	21.5	17.7	21.7	22.6		
	CK	24.4	30.3	24.2	21.8	27.3	25.2		
SBS	IS	24.4	28.7	17.6	19.1	23.8	24.6		
	CS	30.6	35.1	14.7	25.6	29.9	16.8		

7.6.5 Kesan Pengusiaan Jangka Pendek Melawan Pengusiaan Jangka Panjang

Gambaran yang lebih jelas berkaitan keputusan rayapan dinamik pengusiaan jangka pendek melawan pengusiaan jangka panjang dengan dedahan sinaran ultra-ungu dapat diperlihatkan di dalam Jadual 6.6. Secara amnya, nilai rayapan dinamik meningkat dengan peningkatan masa pengusiaan. Peningkatan yang diperolehi daripada kesemua jenis campuran pada suhu 40°C berjulat antara 5.1% hingga 9.8%. Pada suhu 60°C, peratus peningkatan yang dihasilkan dari semua jenis campuran adalah di antara 6.7% sehingga 16.0%. Analisis kajian juga memperlihatkan bahawa campuran berbitumen lazim mempunyai nilai kekuahan rayapan terendah berbanding campuran bitumen terubahsuai. Namun begitu, campuran bitumen lazim mempamerkan nilai kekuahan rayapan yang tinggi setelah pendedahan kepada pengusiaan jangka panjang dengan penambahan sinar ultra-ungu.

Jadual 6.7 memaparkan peratusan penurunan nilai kekuahan rayapan dari suhu 40°C ke suhu 60°C bagi pengusiaan jangka pendek dan pengusiaan jangka panjang. Suhu yang tinggi boleh menurunkan nilai rayapan dinamik. Semakin tinggi suhu kajian, semakin rendah nilai kekuahan rayapan dan begitulah sebaliknya. Nilai penurunan kekuahan rayapan yang diperolehi berbeza-beza mengikut jenis campuran dan suhu yang diuji. Apabila spesimen diuji setelah diusiakan secara jangka pendek, nilai kekuahan rayapan menurun 12.0% hingga 18.0% iaitu bagi semua jenis campuran. Namun begitu, peningkatan suhu daripada 40°C ke 60°C juga boleh menurunkan nilai rayapan dinamik walaupun telah melalui proses pengusiaan jangka panjang, penurunan yang diperlihatkan sebanyak 10.0% hingga 17.1% .

Jadual 6.6: Keputusan Ujian Rayapan Dinamik Pada Suhu 40°C dan 60°C Setelah Pengusiaan Jangka Pendek dan Jangka Panjang


Jenis Bitumen	Jenis Campuran	Rayapan Dinamik (MPa)		Peningkatan (%)	Rayapan Dinamik (MPa)		Peningkatan (%)		
		40°C			60°C				
		STA	LTA		STA	LTA			
80/100	IK	22.8	24.9	9.2	18.7	21.7	16.0		
	CK	27.6	30.3	9.8	24.3	27.3	12.3		
SBS	IS	26.5	28.7	8.3	22.3	23.8	6.7		
	CS	33.4	35.1	5.1	27.6	29.9	8.3		

Jadual 6.7: Peratusan Penurunan Nilai Rayapan Dinamik Dari Suhu 40°C Ke suhu 60°C Setelah Pengusiaan Jangka Pendek dan Jangka Panjang


Jenis Bitumen	Jenis Campuran	Rayapan Dinamik (MPa)		Penurunan (%)	Rayapan Dinamik (MPa)		Penurunan (%)		
		STA			LTA				
		40°C	60°C		40°C	60°C			
80/100	IK	22.8	18.7	18.0	24.9	21.7	12.9		
	CK	27.6	24.3	12.0	30.3	27.3	10.0		
SBS	IS	26.5	22.3	15.9	28.7	23.8	17.1		
	CS	33.4	27.6	17.4	35.1	29.9	14.8		

7.6.6 Kesan Pengusiaan Jangka Pendek Terhadap Kekuatan Tegangan Tak Langsung

Keputusan ujian kekuatan tegangan menunjukkan bahawa nilai ITS meningkat dengan peningkatan kandungan bitumen sehingga mencapai titik maksimum dan mula menurun dengan peningkatan kandungan bitumen. Peningkatan yang dicatatkan berada antara julat 11.4% hingga 17.8% masing-masing bagi campuran IKS dan CKS. Walau bagaimanapun, campuran CKS dan CSS yang didedahkan kepada pengusiaan jangka pendek merekodkan peningkatan sebanyak 17.8% dan 6.8%.



Rajah 6.8: Keputusan Ujian Kekuatan Tegangan Tak Langsung Pengusiaan Jangka Pendek Campuran Bitumen 80/100




Rajah 6.9: Keputusan Ujian Kekuatan Tegangan Tak Langsung Pengusiaan Jangka Pendek Campuran Bitumen SBS

7.6.7 Kesan Pengusiaan Jangka Panjang Terhadap Kekuatan Tegangan Tak Langsung

Rajah 6.10 menunjukkan keputusan kekuatan tegangan tak langsung sebelum dan selepas pengusiaan jangka panjang. Nilai ITS spesimen yang telah diusiakan secara jangka panjang meningkat berbanding spesimen yang tak diusiakan. Nilai ITS diukur bagi mengetahui potensi berlakunya keretakan spesimen yang diuji. Semakin tinggi nilai ITS maka semakin tinggi keupayaan spesimen untuk merintangi peningkatan rintangan peretakan. Keputusan juga memperkenan campuran CKL dan CSL mempunyai nilai ITS yang lebih tinggi berbanding campuran IKL dan ISL walaupun bitumen lazim ditambahkan

ke dalam campuran. Misalnya, nilai ITS maksimum yang dicatatkan bagi campuran IKL tanpa proses pengusiaan ialah 957 KPa. Nilai ini meningkat sebanyak 15.4% iaitu selepas spesimen didedahkan kepada pengusian jangka panjang. Walau bagaimanapun, fenomena pengusian jangka panjang dengan simulasi sinaran ultra-ungu didalam ketuhar telah memberikan nilai ITS yang lebih tinggi terhadap campuran berbitumen SBS dan campuran bitumen lazim.



Rajah 6. 10: Keputusan Ujian Kekuatan Tegangan Tak Langsung Pengusian Jangka Panjang

7.6.8 Kesan Pengusian Jangka Pendek Melawan Pengusian Jangka Panjang

Perbandingan keputusan ujian ITS setelah pengusian jangka pendek dengan pengusian jangka panjang bagi campuran berbitumen SBS dan bitumen 80/100 ditunjukkan di dalam Jadual 6.8. Nilai ITS meningkat dengan meningkatnya masa pengusian. Semakin lama spesimen didedahkan kepada pengusian, semakin tinggi nilai yang diperolehi. Jadual tersebut juga memperlihatkan peratus peningkatan yang ketara bagi setiap jenis campuran. Sebagai contoh, spesimen IK menghasilkan nilai ITS sebanyak 1066 KPa iaitu setelah proses pengusian jangka pendek. Dengan jenis spesimen yang sama, nilai ITS meningkat kepada 1104 KPa apabila pengusian jangka panjang dilaluinya. Perbezaan nilai di antara keduanya ialah sebanyak 3.6%. Walau bagaimanapun, nilai ITS campuran bitumen SBS lebih tinggi dibanding campuran bitumen lazim. Peratus peningkatannya adalah 9.5% dan 2.6% masing-masing mewakili campuran IS dan campuran CS.

**Jadual 6.8: Perbandingan Keputusan Ujian ITS
Pengusiaan Jangka Pendek dengan Pengusiaan Jangka Panjang**

Jenis Bitumen	Jenis Campuran	Kekuatan Tegangan Tak Langsung (MPa)		Peningkatan (%)
		STA	LTA	
80/100	IK	1,066	1,104	3.6
	CK	1,153	1,171	1.6
SBS	IS	1,231	1,348	9.5
	CS	1,419	1,456	2.6

8.0 KESIMPULAN

1. Ciri bitumen 80/100 yang digunakan memenuhi kehendak spesifikasi yang ditetapkan oleh JKR (JKR, 1988). Spesifikasi untuk bitumen terpinda, contohnya SBS, tidak dinyatakan dalam spesifikasi tersebut. Walau bagaimanapun, nilai penusukan bitumen SBS adalah 72.3% lebih rendah berbanding nilai penusukan bitumen konvensional 80/100. Titik lembut bitumen konvensional 80/100 adalah 52.3% lebih rendah daripada titik lembut bitumen terpinda SBS. Bitumen konvensional 80/100 juga didapati lebih mulur berbanding bitumen terpinda SBS.
2. Mesin penghancur Barmac berupaya menghasilkan zarah agregat yang berbentuk kubik berbanding agregat yang dihancurkan melalui kaedah lazim. Nilai graviti tentu yang direkodkan oleh agregat berkubik dan agregat ketaksekataan berjulat antara 2.6 hingga 2.7. Nilai penyerapan air bagi kedua-dua jenis agregat meningkat dengan penurunan saiz agregat. Agregat berkubik mencatatkan nilai penyerapan air yang lebih rendah berbanding agregat ketaksekataan. Hal yang demikian secara tidak langsung menunjukkan bahawa agregat berkubik mempunyai luas permukaan yang lebih rendah lalu mengurangkan nilai penyerapan air.
3. Nilai hentaman agregat (AV) berkubik adalah lebih rendah berbanding agregat ketaksekataan. Ini menunjukkan agregat berkubik mempunyai susunan matriks yang lebih kukuh melalui bentuk yang lebih bergeometri jika dibandingkan dengan agregat ketaksekataan. Nilai pecahan agregat (ACV) yang berkubik adalah 14.7% lebih rendah berbanding agregat ketaksekataan yang dihancurkaan melalui mod mampatan. Namun begitu, nilai ACV kedua-dua agregat adalah lebih rendah daripada yang dibenarkan oleh spesifikasi JKR (JKR, 1988) iaitu 30%.
4. Nilai indeks kekepingan agregat ketaksekataan adalah 54.8% lebih tinggi berbanding indeks kekepingan agregat berkubik. Nilai indeks kekepingan yang rendah dihajatkan untuk menghasilkan prestasi campuran asfalt yang baik. Indeks pemanjangan agregat berkubik adalah lebih rendah daripada agregat ketaksekataan dengan peratusan perbezaan yang dicatatkan sebanyak sebanyak 51.0%, 54.8% dan 58.6% masing-masing pada pecahan saiz 20-14mm, 14-10mm dan 10-6.3mm.
5. Reka bentuk campuran berasaskan kaedah Marshall digunakan untuk menentukan kandungan bitumen optimum setiap campuran. Kandungan bitumen optimum ditentukan berdasarkan nilai kestabilan, berat unit, 4% lompang, lompang dalam agregat dan modulus kebingkasan pada pelbagai kandungan bitumen. Kandungan bitumen optimum yang diperolehi dari campuran agregat ketaksekataan dan berkubik

menggunakan bitumen 80/100 masing-masing ialah 5.0% dan 4.8%. Kandungan bitumen setara untuk campuran bitumen SBS ialah 5.0% dan 4.7%. Secara umumnya, kandungan bitumen optimum campuran agregat berkubik adalah lebih rendah daripada campuran agregat ketaksekataan namun berada dalam julat yang disarankan dalam spesifikasi JKR (JKR, 1988).

6. Nilai modulus kebingkasan menurun dengan peningkatan suhu kajian. Apabila suhu ditingkatkan dari 25°C kepada suhu 40°C, nilai modulus kebingkasan campuran bitumen 80/100 menurun di antara 60.7% hingga 73.0%. Nilai setara untuk campuran bitumen SBS ialah di antara 62.7% hingga 75.6%. Walau bagaimanapun, campuran berbitumen SBS mempamerkan nilai modulus kebingkasan yang lebih tinggi berbanding campuran bitumen 80/100 pada setiap suhu ujian. Di samping itu, nilai modulus kebingkasan campuran agregat berkubik adalah lebih tinggi berbanding campuran agregat ketaksekataan.
7. Nilai kekuahan rayapan menurun dengan meningkatnya suhu. Untuk campuran bitumen 80/100, peratus penurunan yang dicatatkan ialah sebanyak 10.7% hingga 36.0% apabila suhu ditingkatkan dari 40°C menjadi 60°C, manakala campuran bitumen SBS pula merekodkan peratus penurunan berjulat 16.5% hingga 51.8%. Walau bagaimanapun, campuran bitumen SBS dengan agregat berkubik memperlihatkan keupayaan yang terbaik dalam merintangi kesan negatif yang diakibatkan oleh suhu.
8. Penggunaan bitumen SBS di dalam campuran konkrit asfalt meningkatkan nilai kekuatan tegangan tak langsung (ITS) sebanyak 1055 KPa dan 1329 KPa berbanding campuran bitumen lazim yang mencatatkan nilai ITS setara 957 KPa dan 979 KPa dengan peratusan peningkatan yang direkodkan adalah 10.2% hingga 35.8%.
9. Proses pengusiaan jangka pendek mengakibatkan pengerasan bitumen. Modulus kebingkasan kesemua campuran yang diusiakan secara jangka pendek meningkat di antara 1.2% sehingga 26.2%. Kekuahan rayapan pula merekodkan peratus peningkatan di antara 5.7% hingga 16.8%, manakala kekuatan tegangan tak langsung memperlihatkan peratus peningkatan sebanyak 6.8% hingga 17.8%. Walau bagaimanapun, campuran berbitumen SBS adalah yang paling berpotensi untuk merintangi kesan negatif yang diakibatkan oleh pengusiaan.
10. Pengusiaan jangka panjang yang melibatkan sinar ultra-unggu meningkatkan nilai modulus kebingkasan di antara 15.9% hingga 56.6%, manakala rayapan dinamik meningkat di antara 14.7% hingga 25.2%. Selain itu, kekuatan tegangan tak langsung merekodkan nilai peningkatan sebanyak 9.6% hingga 27.8%. Campuran bitumen SBS merupakan campuran yang berpotensi merintangi proses pengusiaan jangka panjang.

SENARAI RUJUKAN

- AASHTO, (2002a). Part 2A: T49-97, *Penetration of Bituminous Materials*. Standard Specifications for Transportation Materials and Method of Sampling and Testing. Washington D.C.
- AASHTO, (2002b). Part 2A: T53-96, *Softening Point of Bitumen (Ring-and-Ball Apparatus)*. Standard Specifications for Transportation Materials and Method of Sampling and Testing. Washington D.C.
- AASHTO, (2002c). Part 2A: T51-00, *Ductility of Bituminous Materials*. Standard Specifications for Transportation Materials and Method of Sampling and Testing. Washington D.C.
- AASHTO, (2002d). T209-99. *Standard Method of Test for Theoretical Maximum Specific Gravity and Density of Bituminous Paving Mixtures*. Standard Specifications for Transportation Materials and Method of Sampling and Testing. Washington D.C.
- AASHTO, (2002e). Part 2B: R30-02, *Mixture Conditioning of Hot Mix Asphalt*. Standard Specifications for Transportation Materials and Method of Sampling and Testing. Washington D.C.
- ASTM, (2005a). D6927-04. *Test Method for Marshall Stability and Flow of Bituminous Mixtures*. Annual books of ASTM Standard, Volume 4.03.
- ASTM, (2005b). D4123. *Test Method for Indirect Tension Test for Resilient Modulus of Bituminous Mixtures*. Annual books of ASTM Standard, Volume 04.03.
- Jabatan Kerja Raya. (1988). *Standard Specifications for Road Work*. Jabatan Kerja Raya Malaysia, Kuala Lumpur.
- Banta, L., Cheng, K., and Zaniewski, J. (2003). *Estimation of limestone particle mass from 2-D images*. Powder Technology 132: 184-189.
- Brown, E.R., J.E. Haddock, T.A. Lynn, and R.B. Mallick (1998). CRP-CD-1: *Bituminous Materials Research Series; Designing Stone Matrix Asphalt Mixtures Volume II—Research Results for Phase II*, Final Report for NCHRP Project 9-8, Transportation Research Board, National Research Council, Washington, DC.
- Chowdhury, A., Button, J.W., Kohale, V., and Jahn, D. (2001). *Evaluation of Superpave Fine Aggregate Angularity Specification*. ICAR Report 201-1, International Center for Aggregates Research, TTI, Texas A&M University, College Station, Texas.
- JKR (1988), Standard Specification for Road Works, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kandhal, P.S., and Mallick, R.B. (1997). *Aggregate Tests For Hot Mix Asphalt*. State of The Practice, National Center for Asphalt Technology of Auburn University. NCAT Report No. 97-6.
- Kalcheff, I.V., and Tunnicliff, D.G. (1982). *Effects of Crushed Stone Aggregate Size and Shape on Properties of Asphalt Concrete*. Proceedings of Association of Asphalt Paving Technologists, 51, 453-483.
- Kandhal, P.S. and F. Parker, Jr. (1998). *Aggregate Tests Related to Asphalt Concrete Performance in Pavements*. In National Cooperative Highway Research Program Report 405, TRB, National Research Council, Washington, D. C.

SENARAI PENERBITAN

1. Ramadhansyah P.J., Hamzah M.O. and Khairun Azizi M.A., (2006), Studies on Asphalt Aggregates for Mixture Design, 1st Civil Engineering Colloquium, Universiti Sains Malaysia, May 2006
2. Hamzah, M.O., Ramadhansyah P.J, Khairun Azizi M.A., (2006), Effects of Temperature and Binder Types on Resilient Modulus of Asphaltic Concrete, National Seminar on Civil Engineering Research (SEPKA), Universiti Teknologi Malaysia, Johor, December 2006
3. Hamzah M.O, Ramadhansyah P.J, Khairun Azizi M.A, Mahathir A, Raphuel Saravana Parakash Babu F. X (2007). Effects of Aggregate Shape and Binder Types on the Marshall Properties of Asphaltic Concrete. National Seminar on Materials, Mineral Resources and Polymers (MAMIP 2007), Universiti Sains Malaysia, April 2007
4. Raphuel Saravana Prakash Babu F. X, Hashim H, Khairun Azizi M.A, Mahathir A, Meor Othman H, Ramadhansyah P.J and Metso Minerals (2007). Enhance The Property of Granite Aggregate Through Metso Barmac Rock on Rock Vertical Shaft Impact (RoR VSI) crushing. National Seminar on Materials, Mineral Resources and Polymers (MAMIP 2007), Universiti Sains Malaysia, April 2007
5. Hamzah M.O, Ramadhansyah P.J., and Khairun Azizi M.A., (2007), Improving Asphaltic Concrete For Pavement Wearing Courses By Incorporating Geometrically Cubical Aggregate Shape, Proceedings of the Malaysian Infrastructure Technology Conference INFRATECH2007, pp. 43-50
6. Ramadhansyah P.J., Hamzah M.O., Khairun Azizi M.A. (2007), Effects Of Geometrically Cubical Aggregate on the Indirect Tensile Strength Properties of Asphaltic Concrete, National Civil Engineering Conference (SEPKA2007), Johor Bahru.
7. Ramadhansyah P.J, Hamzah M.O., Khairun Azizi M.A., (1988), Effects of Temperature and Binder Type on the Resilient Modulus of Asphaltic Concrete Incorporating Geometrically Cubical Aggregates Subjected to Ageing, International Seminar on Civil & Infrastructure Engineering 2008 (ISCIE '08), UiTM (akan dibentangkan)

PROF MHD DYAH DR MEGOR OTHMAN HAMZAH
304.PAWAM.6035210

JUMLAH GERAN: 17,116.00

NO PROJEK:-

ANEL: J/PENDEK

ENAJA: JANGKA PENDEK

GWY KUMPUL WANG AMANAH
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
KAMPUS KEJURUTERAAN
SERI AMPANGAN
PENYATA KUMPULAN WANG
TEMPOH BERAKHIR 30/04/2008

DITERIMA

21 MAY 2008

UNIT EITD

Universiti Sains Malaysia

Tempoh Projek: 15/09/2006 - 14/09/2008

EFFECT OF AGGREGATE SHAPE ON ASPHALT MATERIALS PROPERTIES

Vot	Peruntukan (a)	Perbelanjaan sehingga 31/12/2007 (b)	Tanggungan semasa 2008 (c)	Perbelanjaan Semasa 2008 (d)	Jumlah Perbelanjaan 2008 (c + d)	Jumlah Perbelanjaan Terkumpul (b+c+d)	Baki Peruntukan Semasa 2008 (a-(b+c+d))
11000	GAJI KAKITANGAN AWAM	8,536.00	6,270.83	0.00	0.00	0.00	6,270.83
21000	PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARAH	1,470.00	66.00	0.00	0.00	0.00	66.00
22000	PENGANGKUTAN BARANG	800.00	0.00	0.00	0.00	0.00	800.00
23000	PERHUBUNGAN DAN UTILITI	0.00	52.00	0.00	0.00	0.00	(52.00)
26000	BAHAN MENTAH & BAHAN UNTUK PENYEL	740.00	0.00	0.00	0.00	0.00	740.00
27000	BEKALAN DAN ALAT PAKAI HABIS	4,400.00	2,660.90	0.00	1,380.30	1,380.30	4,041.20
28000	PENYELENGGARAAN & PEMBAIKAN KECIL	450.00	0.00	0.00	0.00	0.00	450.00
29000	PERKHIDMATAN IKTISAS & HOSPITALITI	720.00	66.50	0.00	0.00	0.00	653.50
		17,116.00	9,116.23	0.00	1,380.30	1,380.30	10,496.53
	Jumlah Besar	17,116.00	9,116.23	0.00	1,380.30	1,380.30	10,496.53
							6,619.47